

# Mengimajinasi Reka Bentuk Kostum dan Perhiasan Badan untuk Persembahan "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*"!

## *Re-imagining the Costume Design and Body Adornments for the Performance of "Bermulanya Di Sini...Kedah Tua"!*

Carren Hong Kim Lan\*, Nur Hilyati Ramli, Mumtaz Begum Aboo Backer, Muhizam Mustafa and Mohd Najib Abdullah Sani

School of the Arts, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA

\*Corresponding author: carren@usm.my

Published online: 25 January 2019

**To cite this article:** Carren Hong Kim Lan, Nur Hilyati Ramli, Mumtaz Begum Aboo Backer, Muhizam Mustafa and Mohd Najib Abdullah Sani. 2019. Mengimajinasi reka bentuk kostum dan perhiasan badan untuk persembahan "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*"! *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 18(Supp. 1): 53–63. <https://doi.org/10.21315/ws2019.18.Supp.1.8>.

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/ws2019.18.Supp.1.8>

### ABSTRAK

*Fungsi yang paling penting dalam reka bentuk kostum persembahan teater adalah untuk membantu para pelakon menceritakan kisah itu dengan realistik dan boleh dipercayai. Kostum membantu mengenal pasti peranan dan tanggungjawab pelakon melalui pemahaman tentang keperluan dan sumbangan watak untuk perkembangan cerita. Kertas ini memberikan satu tinjauan kritikal terhadap busana iaitu reka bentuk kostum dan perhiasan badan yang digunakan untuk mengangkat persembahan teater "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*". Bahan kostum dan reka bentuk dipilih dengan teliti berdasarkan maklumat yang diperolehi dari kajian literatur awal dan penemuan arkeologi di tapak Lembah Bujang. Memandangkan Kedah Tua berlatarbelakangkan sejarah metalurgi industri besi yang kaya, maka pasukan reka bentuk kostum telah memilih pakaian dan perhiasan badan yang secara semiotiknya menunjukkan kepentingan budaya dan signifikasi sejarah kepada unsur-unsur logam dan alam semula jadi. Di samping itu, pilihan warna, kostum dan perhiasan badan telah dimaklumkan melalui dokumentasi hierarki sosial masyarakat yang berbeza pada kurun ke-5 Masihi melalui gaya hidup dan budaya yang unik. Kostum dan perhiasan yang dipakai oleh para pelakon mengisahkan naratif unik yang menghubungkan dunia kontemporari dengan zaman dahulu. Kostum yang berbeza memainkan peranan penting dalam menghidupkan pelbagai watak di samping menguatkan lagi kepercayaan pelbagai adegan dalam produksi tersebut.*

**Kata kunci:** *Reka bentuk kostum, perhiasan badan, semiotik*

### ABSTRACT

*The most important function of costume design in theatrical play is to aid the performers tell the story in a "make-believe" manner. Costumes help identify the role and responsibility of the performers through the understanding of character's needs and contributions to the development of the story. This paper presents a critical review of the costumes and body adornments used for the performance of "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*". The materials and design were carefully selected based on the information gathered from preliminary literature review and archaeological excavations at the Lembah Bujang site. Given Kedah Tua's historical flourishing metal industry, the wardrobe team was selective in choosing costumes and ornaments which semiotically showed cultural and historical significance to the elements of metal and nature. Additionally, the choice of colour scheme, costumes and body adornments were informed by the documented accounts of*

*the community's different social hierarchy during the 5th CE through a unique array of custom lifestyle. The costumes and ornaments adorned by the performers tell a unique narrative that reconnects the contemporary with the ancient world. The different costumes play an important role in bringing the various characters to life whilst reinforcing the believability of the various scenes.*

**Keywords:** *costume design, body adornments, semiotics*

## PENDAHULUAN

Kostum dalam persembahan teater memainkan peranan yang penting untuk memperkenalkan dan menggambarkan watak, meletakkan watak dalam sesuatu era, zaman atau tempat mengikut skrip, konteks dan konsep persembahan (Anderson and Anderson 1984, 1999). Okpu (2015) mentakrifkan kostum sebagai mempunyai pengaruh mistik pada pemakainya seperti kuasa peribadi, martabat dan kekayaan yang ditunjukkan secara luaran. Laver (1964) menyatakan bahawa kesedaran tentang kepentingan kostum dan tatarias dalam persembahan telah menyumbang ke arah penyelidikan busana yang mengaitkan bidang atau disiplin teater, sejarah dan arkeologi. Pentakrifan kostum dari segi penyelidikan sejarah dan arkeologi boleh membantu teater dan para pelakon menggambarkan watak-watak dan konteks mereka serta menyampaikan maklumat mengenai tempoh, era sejarah, lokasi geografi, dan musim prestasi teater dengan jitu. Menurut Bacchiocchi (1995: 7) pula, penentuan pakaian dan perhiasan adalah sensitif kerana ia menyentuh apa yang paling berharga bagi sesetengah orang, iaitu lambang kemegahan dan kebanggaan mereka. Noyster (2014) dan Anderson and Anderson (1984) berpendapat bahawa kostum dan aksesori pada umumnya, adalah untuk menonjolkan dan meningkatkan kecantikan atau membezakan status pemakainya mengikut era cerita persembahan. Terdapat juga pendapat atau teori yang mengatakan bahawa pada sebelum masehi, pakaian dipakai untuk memenuhi fungsi asas iaitu penutupan tubuh badan dan perlindungan daripada cuaca atau kondisi alam sekitar. Manusia memakai pakaian tanpa memikirkan signifikansi fesyen. Kajian Kaiser (1999) yang menghubungkan kostum dan semiotik mendapati bahawa signifikansi fesyen sebagai satu sistem tanda yang memberi maksud sosial kepada sesuatu masyarakat mula terjadi dengan perubahan zaman, evolusi masyarakat daripada primitif kepada berekonomi, pengaruh tradisi, kepercayaan, dan keagamaan. Pelbagai pendapat dan hujah berkenaan kepentingan kostum, tatarias dan aksesori telah diambil kira dalam kertas kerja ini yang cuba mengangkat kostum dan tatarias sebagai satu faktor yang penting dalam menjayakan produksi teater "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*" yang mengaitkan bidang seni persembahan, arkeologi, dan sejarah.

Kisah pementasan teater "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*" tercetus daripada sesi temu bual penyelidikan bersama penduduk-penduduk warga emas di kawasan Sungai Batu dan Lembah Bujang. Penyelidik turut mengimajinasi kisah teater ini melalui kajian dan pemerhatian terhadap artifak-artifak yang ditemui di Tapak Arkeologi Sungai Batu seperti sisa dan ketulan besi, tembikar, seramik, dan lain-lain lagi. Melalui hasil penemuan artifak-artifak ini, disertai dengan data kajian daripada ahli arkeologi; penyelidik membuat kesimpulan bahawa penduduk pada abad ke-2 Masehi (2,000 tahun dahulu) bergiat aktif dalam industri peleburan besi. Maka, aksesori dan perhiasan diri pada ketika itu berkemungkinan besar dihasilkan daripada besi dan logam.

Karya "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*" dihuraikan secara teliti untuk memberikan gambaran tentang pemerintahan seorang raja dan perebutan industri besi semasa pemerintahannya. Teater ini yang mempamerkan pelbagai watak terdiri daripada golongan pemerintah, rakyat jelata, pekerja bawahan (buruh besi), dan pedagang. Golongan pemerintah terdiri daripada raja, putera, puteri, dan bendahara manakala golongan rakyat jelata pula merangkumi dayang-dayang, pekerja istana, dan hulubalang. Golongan pekerja buruh besi pula merupakan mereka yang bekerja di kawasan peleburan besi, pembuatan produk daripada besi dan pedagang pula terbahagi kepada tempatan dan antarabangsa. Selain daripada perwatakan mengikut hierarki dan status, produksi teater ini juga membahagikan watak-watak kepada protagonis dan antagonis. Watak protagonis mencerminkan kebaikan dan inginkan kesejahteraan manakala watak antagonis pula menjadi halangan dan cabaran besar bagi setiap keinginan watak protagonis. Dalam produksi teater ini, watak antagonis ialah watak Bendahara yang menggunakan watak Tok Bomoh untuk mencapai keinginannya dan menjatuhkan protagonis (raja, puteri dan penyimpan rahsia kerajaan Kedah Tua). Penghasilan kostum untuk teater ini mencerminkan peranan watak dan perwatakan menerusi reka bentuk, warna, corak/motif dan fabrik melalui kajian yang menunjukkan hubung kait dengan tradisi, ritual, agama atau kepercayaan dan status masyarakat pada zaman tersebut.

Reka bentuk kostum dan tatarias dalam kertas kerja ini akan dibincangkan mengikut pembahagian beberapa segmen tertentu dalam produksi ini iaitu adengan aksi dramatik, ritual dan kepercayaan, lokasi-lokasi signifikan (kawasan peleburan besi, pelabuhan, istana), watak dan perwatakan serta tarian. Terdapat beberapa tarian yang direkacipta dan dipersembahkan mengikut penceritaan dramatik produksi. Setiap tarian memerlukan

kostum yang spesifik dan dapat meningkatkan kesan visual dan dramatik. Kostum yang dipakai semasa tarian diseragamkan dengan visual pergerakan tarian melalui rentak muzik yang dimainkan. *Encyclopaedia Britannica* (2012) mentakrifkan kostum sebagai pakaian yang direka untuk meningkatkan kesan visual pergerakan tarian dan pada masa yang sama membenarkan penari untuk melakukan pergerakan secara lancar.

Penampilan estetik artis yang dipamerkan dalam ideologi kreatif kostum dan perhiasan diri bertujuan sebagai penghubung maklumat dan pengantar jalan cerita kepada penonton. Efimova dan Kortunor (2013) yang melakukan kajian terhadap pakaian kebangsaan Rusia, menyatakan bahawa kostum adalah sebuah karya seni yang dapat mencerminkan tahap pembangunan budaya berkaitan dengan seni bina, lukisan, muzik, dan teater. Mereka juga berpendapat bahawa kostum yang direka secara teliti dan artistik menggambarkan pelbagai perwatakan seperti kekayaan dan martabat individu tersebut.


Penyelidik menginspirasi karya ini untuk memperkayakan pengetahuan mengenai khazanah Sungai Batu dan Lembah Bujang melalui pelbagai metodologi penyelidikan merentas disiplin dari kajian arkeologi, pembacaan dan pemahaman naratif sejarah, penelitian artifak, penontonan filem-filem bersejarah dan epik terutamanya "Hikayat Merong Mahawangsa", "*Queens of Langkasuka*", dokumentasi sejarah tentang Lembah Bujang di ASTRO, YouTube, dan pengkajian koleksi cerita daripada penduduk. Ciptaan karya ini bercirikan tempatan dan sarat dengan elemen tradisi antara abad ke-2 hingga ke-5 Masihi. Karya ini bersifat dinamik keseluruhannya kerana berjaya menggabungkan pelbagai bidang kajian dan naskah pementasan ini dicipta untuk memberi satu perspektif baru dengan tujuan menghidupkan semula khazanah terkubur di Kedah Tua melalui penyelidikan bersama arkeologi, sejarah, dan seni persembahan. Penyelidik selaku koreografer karya ini dengan gandingan kepakaran penyelidik bersama dari pelbagai bidang (arkeologi, muzik, seni visual, reka bentuk produk, grafik komunikasi, dan seni teater) telah membuat penambahbaikan cerita dengan menyeragamkan aksi dramatik lakonan, gerak tari, komposisi muzik, dan tampakan seni visual yang secara semiotik memberi maksud tertentu kepada setiap imej, tanda, dan penandaan dalam karya produksi ini.

## REKA BENTUK KOSTUM

Reka bentuk kostum dalam pementasan ini boleh dibahagikan kepada:

1. Kostum sedia ada.
2. Kostum direka khas.
3. Kostum bercirikan improvisasi.

Reka bentuk kostum dalam "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*" dapat diperjelaskan melalui Rajah 1 berikut:



**Rajah 1** Pembahagian reka bentuk kostum dalam produksi "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*".

### Kostum Sedia Ada


Dalam setiap pementasan teater, kostum merupakan elemen penting yang tidak sepatutnya dipandang ringan, sebaliknya dititikberatkan. Selain daripada menghiasi pelakon, kostum bertanggungjawab meningkatkan kredibiliti dan kepercayaan pelakon terhadap pembawaan watak. Kostum sedia ada merujuk kepada rangkaian pakaian yang sudah ada dalam koleksi, boleh disewa, dipinjam atau dibeli dan tidak perlu direka. Pengarah hanya perlu memikirkan tentang kesesuaian kostum dan rekaannya terhadap watak dan latar masa produksi. Dalam produksi "*Bermulanya Di Sini...Kedah Tua*", kostum sedia ada dipakaikan khas untuk watak golongan bangsawan terutamanya watak Maharaja Darbar dan adik iparnya Wira yang kebetulan memegang jawatan

Bendahara dan Penasihat Raja. Kostum yang dipilih untuk dua watak ini lebih mencerminkan kekayaan budaya Melayu di mana watak memakai seluar dan jaket yang diperbuat daripada kain songket dan sutera.

Selain itu, aktiviti pelayaran dan perdagangan juga diketengahkan dalam produksi ini dengan adanya pedagang-pedagang dari Arab, China, dan India. Keadaan ini berikutan daripada bukti penemuan 12 buah jeti berhampiran Sungai Batu Kuno yang pernah mengalir di tapak bersejarah itu serta lima buah kapal purba yang masih lagi di bawah tanah yang sekali gus memberikan gambaran kawasan ini pernah menjadi sebuah pelabuhan yang sangat pesat. Bagi watak pedagang pula, mereka telah dihiasi dengan pakaian yang mencerminkan identiti kebudayaan sesebuah negara asing mengikut kesesuaian latar masa produksi. Pedagang Cina telah dikenakan kostum yang terdiri daripada jubah (*robe*) sutera, seluar kembang yang dijadikan ketat pada pergelangan kaki dan dilengkapi dengan topi dan kasut. Pedagang India pula dipakaikan kurta sutera, kain dhoti, dan dilengkapi dengan *talappa* (hiasan kepala). Pedagang Arab pula dipakaikan jubah labuh dua lapik, diperbuat daripada kain lembut sutera dan serban pada kepala.

**Kostum Direka Khas**

Kostum rekaan khas dalam produksi ini telah direka khususnya untuk watak putera, puteri, dan penari. Selain daripada memegang watak atau peranan penting dan banyak mempengaruhi jalan penceritaan, watak-watak ini juga terlibat dalam gerak tari yang memerlukan rekaan kostum yang mengizinkan kebebasan pergerakan. Watak kedua-dua puteri iaitu Cempaka dan Mawar dikenakan rekaan yang sama cuma perbezaannya ialah pada warna kain. Kedua-dua puteri ini telah dipakaikan baju coli pendek tanpa lengan, skirt panjang dengan potongan payung dan aksesori sesuai (rantai, gelang, dan subang). Puteri Cempaka digayakan dalam fabrik sari *chiffon* berwarna biru laut dengan corak benang sutera bermotifkan bunga merah menunjukkan kejelitaan dan kelembutan hatinya. Manakala Puteri Mawar pula digayakan dengan fabrik sari *chiffon* tetapi warna jingga menyala mencerminkan rasa kemarahan dan kecemburuannya terhadap keanggunan dan kelembutan puteri Cempaka. Lakaran awal kostum bagi kedua-dua puteri adalah seperti Rajah 2 dibawah.




**Rajah 2** Lakaran awal kostum Puteri Cempaka dan Puteri Mawar.

Putera Adar pula digayakan dengan baju jubah paras lutut dengan potongan payung dan seluar Arab. Baju jubah ini diikat dengan tali pinggang tebal pada pinggang. Putera Adar siap dilengkapi dengan serban pada kepala dan pedang *Qalah* pada pinggangnya menampakkan karakter seorang putera dari Parsi yang memiliki perwatakan segak dan gagah, seperti dalam Rajah 3. Penampilan Putera Adar dengan berpakaian sutera dan penuh dengan perhiasan diri seperti rantai, gelang, dan pedang *Qalah* menunjukkan kemewahan dan kekaguman watak dan kerajaan Parsi. Transformasi penampilan Putera Adar daripada seorang putera yang mewah kepada jejak perkasa kelihatan apabila beliau mengenakan kostum yang tidak berlengan untuk menunjukkan badan yang sasa. Koreografi tarian romantik antara Puteri Cempaka dan Putera Adar dengan gerak tari berkualiti besar, gagah dan lompatan menyokong penampilannya sebagai putera yang gagah melalui bantuan kostum berbanding dengan gerak tari lembut dan sopan yang ditarikan oleh Puteri Cempaka dan disokong oleh reka bentuk kostum dan warna biru lembut.



**Rajah 3** Gambar kostum Raja Adar dan Puteri Cempaka.

Kostum penari pula direka dengan teliti supaya tampak kebudayaan bercirikan pengaruh kepercayaan animisme disamping memikirkan kesesuaian reka bentuk dan potongan kostum dengan pergerakan ritual dan tari yang telah direkacipta untuk beberapa tarian. Penari kesemuanya dipakaikan baju yang direka daripada fabrik satin dan *georgette*. Fabrik satin dan *georgette* adalah lembut, licin dan senang digayakan mengikut reka bentuk yang ringkas dan serupa untuk kebanyakan tarian namun menonjolkan perhubungan atau jalinan antara dua genre atau masa iaitu tradisional dan kontemporari seperti dalam lakaran awal yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Sebagai pembuka tirai pementasan ini, pengarah menonjolkan keunikan reka bentuk kostum penari iaitu "coli" tanpa lengan dipadankan dengan skirt labuh potongan payung dalam fabrik satin warna putih susu bermotifkan bunga sebagai corak primanya sememangnya sesuai untuk tarian ritual. Tarian ini dikoreograf untuk melambangkan upacara pemujaan yang dilakukan setiap pagi mengikut imaginasi pengarah yang disokong oleh kepercayaan animism (Zolkurnian Hassan, Chia and Hamid Mohd Isa 2011).



Rajah 4 Lakaran awal kostum penari.



Rajah 5 Gambar kostum penari untuk persembahan.

Tarian yang melambangkan pemujaan ini melihatkan penari berpakaian serba putih menandakan kesucian seperti dalam Rajah 5. Jika dilihat daripada sudut atau perspektif lain, kesesuaian reka bentuk kostum dengan pergerakan tarian sememangnya terbukti apabila penari dapat melakukan gerak tari pemujaan tanpa halangan daripada kostum. Malah kostum membantu penari kelihatan anggun dan suci semasa mempersembahkan tarian melalui kualiti pergerakan seperti hayunan tangan dan gerak tari sembah terhadap matahari yang dianggap sebagai pelindung dan penyinar cahaya menurut kepercayaan animisme. Penari juga dililit dengan bunga melur di pergelangan tangan, kaki dan rambut sebagai aksesori tambahan yang menonjolkan lagi pendekatan semiotik terhadap konsep suci, bersih, dan puja. Jelas konsep-konsep ini terutamanya apabila

disokong melalui gerak tari putaran pergelangan tangan, aksi tari seperti memetik dan menabur bunga pada tapak pemujaan. Bunga dan agama Hindu tidak dapat dipisahkan; bunga dianggap sebagai agen penyucian diri dan aksi menabur bunga kepada dewa merupakan satu konsep pemujaan dan menyucikan diri sendiri.

"Both in worship and in portrayals of the divine, Hindus are infatuated with flowers. The very name of the Hindu worship ritual, puja, can be translated as 'the flower act'." (Flowers Encyclopedia 2018)

Dalam babak seterusnya, sebuah tarian dipersembahkan untuk mengalu-alukan kedatangan Putera Adar ke Kedah Tua. Putera Adar disambut meriah oleh Maharaja Darbar ke istana dengan iringan tarian dan jamuan mewah. Tarian ini dipersembahkan oleh dayang-dayang dengan melambai-lambaikan selendang mereka sebagai lambang mengundang dan mengucapkan selamat datang. Reka bentuk kostum untuk tarian ini ialah daripada fabrik *georgette* dengan potongan serupa dengan tarian ritual. Warna fabrik untuk tarian ini dipilih dari rona keemasan bercampur kekuningan dan coklat muda. Penari juga dihiasi dengan reben keemasan pada leher, pergelangan tangan dan kaki. Warna keemasan ini sengaja dipilih untuk melambangkan kekayaan kerajaan Kedah Tua.

### Kostum Bercirikan Improvisasi


Reka bentuk kostum untuk narator dipilih berdasarkan improvisasi dan konsep suai dan padan. Narator memainkan peranan penting dalam menyampaikan penceritaan kisah dalam teater kepada penonton. Namun dalam pementasan ini, pengarah telah mempelbagaikan fungsi narator dari penyampai cerita serta bertindak sebagai satu watak halusinasi yang mempengaruhi fikiran dan menghasut watak-watak lain untuk bertindak melalui pelafazan kata kunci yang menggerakkan setiap babak dalam produksi ini. Contohnya, bermula dengan teknik penceritaan melalui alunan suara merdu yang mendendangkan melodi yang diadaptasi daripada raga muzik karnatik India, narator seterusnya melafazkan beberapa kata kunci seperti *Keda*, *Kadaram*, *Kala*, *Kataha*! Perkataan ini kesemuanya merupakan nama khas yang telah diberikan kepada kerajaan Kedah Tua oleh negara-negara lain dan pedagang asing. *Keda*, *Kadaram*, *Kataha* menggambarkan bijih besi yang terdapat di tanah Kedah pada suatu masa dahulu, manakala *Kala* pula merujuk kepada pedang *Qalah* yang diperbuat daripada bijih besi yang diimport dari Kedah Tua oleh negeri-negeri Timur Tengah.



Rajah 6 Lakaran awal dan kostum yang digunakan untuk persembahan bagi watak narator.

Kostum yang dikenakan oleh narator ialah serba hitam, seluar labuh berpotongan "palazzo", baju lengan panjang ketat dan dipadankan dengan selendang putih seperti dalam Rajah 6. Warna hitam yang dipilih mempunyai signifikasi yang kuat terhadap warna bijih besi iaitu hitam. Selain itu, warna hitam dan putih juga secara semiotik menunjukkan pergerakan narator antara dua alam iaitu alam ghaib dan nyata mengikut peranannya dalam produksi ini.

Adegan seterusnya menggambarkan pergerakan sekumpulan pekerja buruh besi yang mewakili sebahagian daripada rakyat kerajaan Kedah Tua yang bergantung kepada aktiviti-aktiviti peleburan besi. Mereka dikenakan seluar silat hitam sementara baju pula dipilih dari warna hitam, putih atau tanpa berbaju. Kostum mereka menampakkan gaya hidup sederhana dan menyokong aksi dan gerak pekerjaan mereka sebagai pelebur bijih besi. Lakaran awal kostum adalah seperti Rajah 7.



**Rajah 7** Lakaran dan kostum untuk pekerja buruh besi.

Teknik gerak menghentak lantai dalam karya ini menghasilkan bunyi dan rentak, untuk menggambarkan identiti buruh dalam kesungguhan dan kesusahan mencari nafkah hidup. Di samping menghujahkan aktiviti harian rakyat pada zaman itu, penyelidik turut mengolah pergerakan untuk menyelitkan elemen pertarungan di antara dua pemerintahan yang bergelut untuk merebut industri besi. Gerak tari seperti tolak dan tarik dan silat merupakan gerak dominan yang menonjolkan kekuatan dan kehebatan kedua-dua pihak dalam pertarungan memiliki kerajaan Kedah Tua sekaligus industri bijih besi ini.



Tidak dapat dinafikan juga, untuk menambahkan daya tarikan jalan cerita karya ini, penyelidik telah menyuntik elemen percintaan antara Puteri Cempaka dan juga seorang hamba yang menyimpan rahsia khazanah peleburan bijih besi yang bernama Andika. Adegan gurau senda dan pikat-memikat antara pasangan ini memungkinkan ciri-ciri wujudnya perkahwinan kacuk dan juga perkahwinan dari hierarki yang berbeza dalam kalangan rakyat jelata pada zaman dahulu. Setiap perincian gerak tari yang dipersembahkan, mempamerkan nilai-nilai kasih sayang antara Puteri Cempaka bersama Andika yang telah berjanji akan menjaga khazanah dan harta Kerajaan Kedah Tua iaitu bijih besi dan Puteri Cempaka. Kostum yang dikenakan oleh Puteri Cempaka dan Andika di sini memainkan peranan yang penting dalam menyokong elemen percintaan antara mereka berdua. Kostum Andika yang serba sederhana telah menjadikan pakaian Puteri Cempaka lebih menonjol.

Di sini, penulis dan pengarah skrip ingin menonjolkan keikhlasan watak Andika yang tidak menghiraukan segala kebendaan dalam dunia tetapi hanya ingin menjaga khazanah Kedah Tua (Puteri Cempaka dan bijih besi). Senario ini bertentangan jika dibandingkan dengan watak Putera Adar yang telah dibesarkan dalam kemewahan dan keinginan untuk memiliki kecantikan (Puteri Cempaka) dan kekayaan (Kerajaan Kedah Tua).

Konflik cinta terhalang antara Andika dan Puteri Cempaka akibat jurang kuasa dan darjat ditonjolkan dengan lebih dramatik melalui kostum seperti dalam Rajah 8 dan apabila berlaku perselisihan faham dan perebutan di antara Putera Adar dan Andika. Kostum sememangnya memainkan peranan yang penting dalam menyokong plot cerita terutamanya apabila ternyata ketidakadilan terhadap golongan yang ditindas. Secara semiotik kostum Putera Adar yang menonjolkan kemewahan dan prop pedang *Qalah* yang digunakan beliau dapat menenggelamkan kostum Andika yang sederhana sekaligus menundukkan Andika. Begitu juga dengan keangkuan serta jurang status sosial di sebalik kekuasaan yang dimiliki watak Wira. Kostum yang dikenakan beliau menampakkan lagi keangkuan watak beliau dan meletakkan statusnya jauh lebih tinggi dari watak-watak lain terutamanya Andika.



**Rajah 8** Gambar kostum Puteri Cempaka dan Andika.

Konflik produksi ini ialah apabila kuasa jahat berganding bahu dan fikiran untuk menghancurkan Maharaja Darbar, Puteri Cempaka, dan Andika. Watak yang memiliki kuasa jahat ini ialah Wira, Puteri Mawar, dan Taji. Taji merupakan bomoh yang mempraktikkan sihir hitam untuk kepentingannya. Taji diselubungi pakaian serba hitam dan jarang menampakkan wajahnya. Sebagai penutup tirai pementasan, penyelidik telah mengolah karya ini dengan pengakhiran yang diselubungi segala niat jahat seperti kebencian, hasutan, dendam, dan perebutan kuasa yang akan dihapuskan oleh bencana tsunami. Maharaja Darbar dibunuh dengan ilmu hitam oleh Taji yang bersuhabat dengan Puteri Mawar dan Wira. Keadaan istana sunyi meratapi kemangkatan Maharaja Darbar. Dendangan latar muzik sayu dan kemunculan penari-penari berpakaian serba putih melambangkan tanda berkabung. Koreografer mengaturkan gerak-geri yang berputar secara perlahan-lahan dengan ekspresi kesedihan.

Penari bergerak dalam dua barisan lurus sambil menjunjung sehelai kain warna putih panjang bersalut benang sutera emas ditepinya sebagai konotasi menjunjung jenazah raja kesayangan yang mangkat.

Niat jahat Bendahara Wira untuk membunuh Puteri Cempaka dan Andika tidak kesampaian apabila Kedah Tua dilanda bencana alam tsunami, angin kencang, dan ribut taufan yang telah menggelapkan dan menghapuskan segala identiti dan warisan kerajaan Kedah Tua. Koreografer telah menggunakan dua kain putih panjang yang membujur dan penari melakukan pergerakan berombak dalam adegan ini untuk melambangkan ribut taufan dan laut bergelora dengan ombak besar yang menyelubungi seluruh kerajaan Kedah Tua. Gandingan kostum, gaya dan gerak-geri tarian yang kebanyakannya bersifat kontemporari menjadikan karya ini berjaya menonjolkan konsep muzikal sebagai salah satu teras penyampaian yang boleh menyampaikan mesej dengan baik.

## AKSESORI DAN PERHIASAN DIRI

Pelbagai aksesori dan perhiasan diri telah digunakan untuk melengkapkan karya ini. Antaranya adalah gelang tangan, mahkota, rantai leher, kalung, pedang, dan perhiasan lain yang dibuat dengan bahan-bahan logam pada zaman tersebut. Aksesori menunjukkan identiti yang berbeza bagi setiap pemakainya (Cifarelli 2010). Hierarki rakyat dengan golongan yang miskin ditonjolkan melalui kekurangan perhiasan, manakala yang berada di tingkat teratas hierarki ditonjolkan dengan penuh kemegahan melalui aksesori yang dipersembahkan.

Secara umumnya, kostum dan perhiasan diri digunakan dalam tarian untuk menyerlahkan dan menerangkan identiti artis itu secara khusus. Sesetengah pakaian dan perhiasan tertentu digunakan untuk menyemai rasa ketakutan dan juga terancam dalam kalangan penonton. Sebagai contoh, kostum serba hitam dan solekan hitam di sekeliling bahagian mata oleh Taji (tok bomoh) dalam pementasan ini menunjukkan karakternya yang diselubungi kegelapan.

Sieber (1972: 19) dalam penulisannya menyatakan bahawa kostum yang ketat atau minima cenderung untuk memberikan penyampaian yang lebih baik kerana dapat mengekalkan tenaga di bahagian tubuh penari untuk bergerak. Reka bentuk kostum yang longgar dalam produksi ini pula secara semiotik menandakan watak atau karakter tersebut menyimpan pelbagai rahsia dalam dirinya. Perhiasan diri yang diketengahkan dalam pementasan ini mempunyai keunikan tersendiri yang menjadikannya berbeza dengan perhiasan tradisional yang lain. Gelang dan rantai yang dipakai oleh watak Andika mempunyai falsafah tersendiri serta makna yang tersirat. Perhiasan tersebut yang padat dengan logam menonjolkan keberanian, keutuhan hati pemakainya selaras dengan logam besi, kebesaran industri logam pada zaman tersebut yang juga merupakan sumber pendapatan daripada industri perdagangan.

Kostum yang dipakai dalam pementasan ini sangat istimewa untuk menunjukkan ketinggian martabat pemerintahan raja ketika itu dan juga bertindak secara dramatik untuk meningkatkan tarikan penyampaian karya ini. Penampilan tersebut boleh mencerminkan keutamaan sejarah atau kebudayaan pada zaman lalu. Kostum adalah konsep yang merangkumi pengubahsuaian badan dengan menggunakan tekstil, kosmetik, seni lukisan tatu (sementara), pakaian, perhiasan, dan aksesori yang dipakai dan dipegang oleh seseorang.

Pakaian upacara atau majlis yang berkaitan dengan identiti dan pembaharuan juga boleh menggambarkan sudut pandangan sosial dan politik atau digunakan untuk fungsi asas seperti perlindungan. Dalam karya ini, penampilan watak dengan variasi kostum dan perhiasan menggambarkan perbezaan dan darjat watak tersebut. Status sosial kebanyakan masyarakat biasanya dinyatakan melalui paparan perhiasan pada tubuh, namun dalam karya ini, pengubahsuaian dan persolekan telah menunjukkan keanggotaan masyarakat atau status sesebuah watak itu melalui reka bentuk kostum, solekan dan lukisan tatu.

Sebagai artifak budaya, unsur-unsur khusus bagi pakaian dan perhiasan pada seseorang itu mempunyai banyak aspek dan makna. Mereka berfungsi sebagai penghubung untuk ungkapan nilai, simbol identiti dan status sosial serta pernyataan estetik mengikut pilihan. Setiap kostum mempunyai sejarah tersendiri dan kepentingan sosio-budaya dan mesti dipertimbangkan bersama supaya ianya sedondon dan seiring. Ciri-ciri berpakaian bertujuan untuk memperkenalkan suatu identiti individu bergantung pada penampilan yang sedia ada serta struktur sosial yang lebih bersifat abstrak semasa aktiviti keramaian yang berkaitan dengan kekeluargaan, ekonomi, politik, dan agama. Penstrukturan ini berkecenderungan untuk memperluaskan masyarakat, termasuk sistem kepercayaan yang membentuk piawaian moral dan estetik bagi pakaian dan perhiasan yang digunakan untuk mengubah penampilan mengikut persekitaran.

Solekan karakter atau *character makeup* merupakan solekan yang memenuhi keperluan dan objektif serta kehendak watak yang diinginkan. Wajah seharusnya mengikut kehendak naskah serta apa-apa jua pementasan mengikut keseluruhan cerita. Teknik solekan harus dititikberatkan supaya solekan yang ingin dihasilkan mengikut kehendak objektif. Pendadan haruslah mengkaji watak dan peranan watak tersebut, melakukan

pemerhatian luar dan melihat bagaimana rupa paras orang yang berperwatakan yang dikehendaki sebelum memulakan solekan. Hal ini boleh menjayakan dan merealisasikan solekan dan kesan yang ingin dihasilkan. Solekan haruslah menitikberatkan penggunaan pencahayaan di atas pentas. Oleh kerana pelakon pentas dilihat dari jauh berbanding dengan pelakon di layar, maka solekan mereka haruslah jauh lebih tebal untuk menimbulkan efek atau kesan dramatik.

## KESIMPULAN

Gabungan dan gandingan penyelidik daripada pelbagai bidang dan ilmu disiplin telah menginspirasi karya ini melalui hasil kajian dan imaginasi untuk menghasilkan satu pementasan teater yang boleh membawa kembali zaman kegemilangan kerajaan Kedah Tua. Pengolahan terhadap naskhah lakon, komposisi muzik, gaya lakonan, gerak tari, dan reka bentuk kostum dilakukan agar kisah Kerajaan Kedah Tua sentiasa segar dan menarik perhatian masyarakat pada masa kini. Penyelidik percaya bahawa karya ini dapat menyuntik idea baru dan garapan segar kepada generasi muda untuk menyelami teater. Idea kreatif ini juga akan menjadi satu bentuk repertoire untuk mengadakan persembahan sama ada di dalam mahupun luar negara bersesuaian dengan produksi teater sebagai salah satu daya tarikan pelancong ke Malaysia.

## RUJUKAN

- Anderson, B. and Anderson, C. 1999. *Costume design*. 2nd ed. Wadsworth, Australia: Thomson.
- . 1984. *Costume design*. Indiana, USA: Holt, Rhinehart and Winston.
- Bacchiocchi, S. 1995. *Christian dress and adornment*. Michigan, USA: Biblical Perspectives.
- Cifarelli, M. 2010. Adornment, identity, and authenticity: Ancient jewelry in and out of context. *American Journal of Archaeology Online Museum Review*. [https://www.ajaonline.org/sites/default/files/AJA1141\\_Cifarelli.pdf](https://www.ajaonline.org/sites/default/files/AJA1141_Cifarelli.pdf) (accessed 10 April 2018).
- Encyclopaedia Britannica. 2012. "Costume Ballet". *Encyclopaedia Britannica Ultimate Reference Suite*. Chicago: Encyclopaedia Britannica Inc.
- Efimova, L. V. and Kortunov, V. V. 2013. Aesthetic features of the Russian national costume. *Middle East Journal of Scientific Research* 16(12).
- Flower Encyclopedia. 2018. <https://www.theflowerexpert.com/content/miscellaneous/flowers-and-religion> (accessed 5 April 2018).
- Kaiser, S. B. 1999. *The social psychology of clothing, symbolic appearances in context*. 2nd ed. New York: Fairchild Publications.
- Laver, J. 1964. *Costume in theatre*. Michigan, USA: University of Michigan.
- Noyster, ed. 2014. Types and forms of ancient jewelry from Central Asia-Neva-Transoxiana 10. *Ugo Magazine* 1(2). Enugu, Nigeria: Ministry of Education and Information, Cultural Division.
- Okpu, O. 2015. Costume and body adornment in dance: A case study of Abame Festival in Igbide: Isoko Local Government Area of Delta State, Nigeria. *International Journal of Arts* 5(1): 21–31. <https://doi.org/10.5923/j.arts.20150501.03>
- Sarah, J. 2016. Historical accuracy in costume design: Experiences and perceptions of Broadway costume designers. PhD diss., Iowa State University.
- Sieber, R. 1972. *African textiles and decorative arts*. New York: Museum of Modern Arts.
- Zolkurnian, H., Chia, S. and Hamid, M. I. 2011. Survey and excavation of an ancient monument in Sungai Batu, Bujang Valley, Kedah, Malaysia. In *Bujang Valley and early civilizations in Southeast Asia*, eds. S. Chia and B. Watson Andaya, 40–41. Kuala Lumpur: Department of National Heritage, Ministry of Information, Communications and Culture.